

Pertanian bantu perkukuh ekonomi

BH 14 JUL 2001

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Saidon Idris

PUTRAJAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan beberapa langkah bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara daripada sebarang kejutan luar, termasuk memanfaatkan sepenuhnya potensi sektor pertanian.

Perdana Menteri berkata, sektor pertanian jelas berdaya maju apabila mencatat pertumbuhan paling tinggi iaitu 12 peratus berbanding sektor lain seperti perkilangan (3.7 peratus), perkhidmatan (3.6 peratus) dan pembinaan (0.9 peratus).

“Peningkatan pengeluaran sektor pertanian yang menggalakkan, melebihi peningkatan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2001.

“Ini jelas menunjukkan sektor pertanian mempunyai potensi untuk berdaya maju,” katanya pada sesi dialog kedua Belanjawan 2002 di sini hari ini.

Majlis dialog bertemakan ‘Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Pengukuhan Daya Tahan dan Peningkatan Daya Saing’ itu dihadiri 180 wakil 40 agensi serta pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mahu sektor swasta mengambil inisiatif memajukan sektor pertanian dengan memanfaatkan insentif khusus yang disediakan kerajaan tetapi kini tidak mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, pembangunan sektor pertanian bukan saja dapat membantu mengurangkan bil import makanan yang

Pembangunan sektor pertanian bukan saja dapat membantu mengurangkan bil import makanan yang besar tetapi juga berupaya membendung tekanan inflasi dalam negara

besar tetapi juga berupaya membendung tekanan inflasi dalam negara.

Beliau berkata, sektor pertanian boleh dimajukan dengan mempergiatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta memberi tumpuan kepada usaha hiliran untuk menghasilkan pelbagai penggunaan barang pertanian.

“Penggunaan baru keluaran bagi pengeluaran minyak sawit dalam bidang kimia dan bio-teknologi boleh diperkembangkan secara meluas.

“Begitu juga komoditi lain seperti produk perikanan dan getah memandangkan permintaan barang keluaran

LIHAT MUKA 2

Percepat program penggantian

DARI MUKA 1

negara di pasaran antarabangsa adalah tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah lain bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara ialah meningkatkan lagi sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK, daripada 50 peratus kepada antara 60 sehingga 70 peratus.

Sasaran itu boleh dicapai dengan memajukan lagi kegiatan sektor kecil pelancongan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, pemborongan, peruncitan, insurans, perbankan dan kewangan.

"Kemajuan sektor-sektor ekonomi ini, bukan sahaja dapat mengurangkan defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran negara, tetapi juga dapat merangsang perbelanjaan penggunaan tempatan.

"Langkah-langkah ini juga dapat memperkukuhkan daya tahan negara daripada risiko luar," katanya

Perdana Menteri juga berkata, usaha perlu dilaksanakan bagi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan dan kesihatan serantau di samping memajukan pelabuhan dan lapangan terbang negara sebagai tarikan persinggahan terunggul.

"Saya menggesa semua pihak terutama sektor swasta supaya mengguna sepenuhnya semua kemudahan berkualiti di negara ini dan tidak pergi ke luar negara.

"Mereka yang telah diakui mempunyai kepakaran dan kekuatan di bidang tertentu seharusnya bersedia mengeksport perkhidmatan untuk menembusi pasaran dan beroperasi dengan cemerlang di luar negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, sektor perkilangan yang kini bergantung kepada barang elektronik pula perlu mempelbagaikan eksport barang dan meluaskan pasaran.

Usaha juga perlu dilakukan bagi mempercepatkan program penggantian import serta menceburi bidang pengeluaran berasaskan penggunaan teknologi tempatan.

"Oleh itu punca pertumbuhan baru khususnya pengeluaran berasaskan pengetahuan dengan teknologi tinggi harus dikenal pasti dan dikembangkan," katanya.

Beliau meminta sektor swasta memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sejajar dengan usaha kerajaan menyediakan prasarana maklumat serta memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kerajaan juga berharap sektor swasta turut sama meningkatkan keupayaan dalam menyediakan kemudahan dan prasarana pendidikan dan latihan serta prasarana maklumat, iaitu pra syarat kejayaan ekonomi baru berteraskan pengetahuan," katanya.